

# Program WM4D bantu masyarakat majukan diri, bangunkan negara

DE 27.9.2018 1  
KOTA KINABALU: Program Motivasi Menyeluruh di 4 Dimensi (WM4D) mampu membantu masyarakat menyedari hala tuju dan matlamat kehidupan untuk memajukan diri mereka seterusnya membangunkan negeri dan negara.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata, program itu yang merangkumi perbincangan menyeluruh berkaitan inspirasi, transformasi dan motivasi meliputi empat dimensi iaitu "Emosi, Minda, Qalbu (kalbu) dan Rohani" (EMQR) adalah relevan untuk tujuan tersebut dan ke arah mencapai kesejahteraan sosial.

"Dalam pemerhatian saya, empat dimensi di dalam diri setiap orang merupakan faktor utama yang mempengaruhi watak seseorang serta nilai murni dan keupayaan berinteraksi dan bertindak balas secara rasional dengan persekitaran yang mencabar.

"Ini amat penting bagi Kerajaan Negeri menggarap jaminan sosial yang lain seperti kebebasan beragama, perlindungan kepada hak asasi serta pelaksanaan undang-undang yang melindungi kepentingan dan menjamin keselamatan, kesejahter-

aan dan keharmonian semua rakyat serta ketenteraman awam," katanya.

Beliau berkata demikian apabila merasmikan program tersebut yang diadakan di Auditorium Perpustakaan UMS di sini, baru-baru ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Pembantu Menteri Pelajaran dan Inovasi Sabah, Mohammad Muhamirin.

Shafie juga menyuarakan sokongan terhadap tajuk-tajuk yang dibentangkan pada program itu yang disifatkannya amat bertepatan dengan dasar Kerajaan Negeri, terutamanya dalam aspek pendidikan holistik untuk membina generasi berbilang kaum yang berakhlak mulia, saling sayang-menyayangi dan menghormati antara satu sama lain, seterusnya memperteguhkan keharmonian kaum di negeri ini.

"Sebagai Ketua Menteri, saya menyokong penuh program bertaraf dunia ini dan berharap dapat diperluaskan ke merata tempat pada masa akan datang," ujarnya lagi.

Kira-kira 200 peserta menyertai program itu yang dianjurkan bersama oleh Jabatan Perpustakaan

Universiti Malaysia Sabah (UMS), Global Systematic Education (GSE) Sdn Bhd Kuala Lumpur, dan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (Usia).

Terdahulu, Pengarah GSE, Jualiazira Jamain dalam ucapannya berkata, program itu merupakan sebuah program motivasi menyeluruh untuk pengisian di empat tahap kesedaran dalam diri manusia iaitu emosi, minda, kalbu dan rohani.

"Masyarakat sekarang semakin berkecamuk khususnya yang melibatkan masalah dalaman emosi dan minda, maka program ini dirancang melalui tiga objektif utama iaitu mencetuskan inspirasi peserta, memberi garis panduan kepada peserta untuk mentransformasikan empat dimensi mereka daripada negatif kepada positif.

"Ia juga memberi garis panduan kepada peserta agar mampu memotivasikan diri sendiri secara berterusan dan berkesan," katanya.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan UMS, Zawawi Tiyunin; bekas Ketua Pustakawan UMS pertama, Che Salmah Che Mehamood; dan bekas Ketua Pustakawan UMS kedua Dg Rukiah Ag Amit.